

Siaran Akhbar

Untuk Siaran Segera

30 September 2025

Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura Gan Kim Yong dan Menteri Perdagangan dan Industri serta rombongan tiba bagi Lawatan Kerja ke Brunei Rotary Engineering Sdn Bhd (BRE) dan Loji Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI) Bagi Mengukuhkan Kerjasama Dua Hala Dalam Pembangunan Tenaga dan Industri.

SPARK Centre, Seria, Brunei Darussalam — Brunei Rotary Engineering Sdn Bhd (BRE) pada hari ini telah menerima lawatan rasmi Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Industri Republik Singapura Gan Kim Yong ke pejabat syarikat berkenaan di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK) Centre.

Hadir bagi mengalu-ngalukan ketibaan Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong ialah Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Amin Liew bin Abdullah dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Lawatan ini menandakan satu pencapaian penting kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, serta mengukuhkan komitmen bersama kedua-dua negara untuk memperluaskan kerjasama dalam sektor tenaga, kejuruteraan dan industri.

BRE merupakan usahasama antara Rotary Engineering Pte Ltd dari Republik Singapura dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Dana Modal Pembangunan Strategik di bawah Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. BRE ditubuhkan bagi memperkuatkannya lagi keupayaan Negara Brunei Darussalam dalam bidang kejuruteraan, perolehan dan pembinaan (EPC), serta penyelenggaraan jangka panjang dan pembangunan tenaga kerja.

Semasa lawatan kerja tersebut, Tuan Yang Terutama Gan Kim Yong meninjau pejabat BRE dan diberikan taklimat mengenai projek-projek yang sedang berjalan serta projek-projek yang akan datang, termasuk kerjasama di antara Syarikat BRE dengan Brunei Shell Petroleum (BSP) dan Brunei Fertilizer Industries (BFI) dan juga seterusnya membuat lawatan ke Loji BFI dan Taman Keselamatannya di Taman Perindustrian Sungai Liang (SPARK). Syarikat BRE juga menekankan tumpuan syarikat terhadap latihan tenaga kerja tempatan, pemindahan teknologi dan pengetahuan, dan pertumbuhan industri yang mampan, selaras dengan matlamat pembangunan kedua-dua Negara.

Pada bulan Mac tahun ini, BRE juga telah menandatangani Perjanjian *Maintenance Outsourcing* dengan BFI yang didedikasikan untuk memperkuatkannya lagi standard penyelenggaraan industri di Negara Brunei Darussalam, di mana BFI dan BRE bekerjasama bagi penyelenggaraan fasiliti Amonia dan Urea BFI, sekaligus meningkatkan kecekapan dan kelestarian serta pada masa yang sama mewujudkan lebih banyak peluang untuk belia tempatan melalui latihan dan bimbingan dalam penyelenggaraan industri.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Rotary Engineering Pte Ltd dan juga Pengarah BRE, Koh Chun Peng, menjelaskan lawatan kerja tersebut mencerminkan kerjasama yang semakin kukuh di antara Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan keupayaan industri yang berdaya tahan.

“Melalui BRE, kami membina perhubungan kerjasama di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura yang boleh menarik lebih ramai pelabur antarabangsa ke sektor tenaga hiliran Negara Brunei Darussalam. BRE juga telah bekerjasama rapat dengan syarikat perkhidmatan tempatan dan juga tenaga kerja tempatan untuk membangunkan ekosistem tenaga yang dinamik,” katanya.

Lawatan ini turut menekankan kekuatan hubungan ekonomi Brunei-Singapura berterusan yang berasaskan kepercayaan bersama dan kerjasama merentas sektor utama.

BRE akan terus kekal komited untuk memperkuuhkan perananannya di Negara Brunei Darussalam serta memeperluaskan lagi jangkauannya di rantau Borneo, dengan rancangan masa depan bagi meningkatkan kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, memupuk bakat tempatan dan menyumbang kepada usaha mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Mengenai Brunei Rotary Engineering Sdn Bhd

Brunei Rotary Engineering Sdn Bhd (BRE) ialah usaha sama antara Rotary Engineering Pte Ltd dari Singapura dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Dana Modal Pembangunan Strategik di bawah Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. BRE menyediakan perkhidmatan EPC dan penyelenggaraan menyeluruh untuk sektor tenaga dan industri, dengan kepakaran dalam infrastruktur penyimpanan, loji pemprosesan dan penyelenggaraan bersepadu. Syarikat ini berdedikasi untuk membangunkan keupayaan tenaga kerja tempatan serta menyokong Wawasan Brunei 2035.

Mengenai Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI):

Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI) ialah Loji Amonia dan Urea utama Negara Brunei Darussalam serta merupakan salah satu loji baja *single train* terbesar di Asia Tenggara. Ditubuhkan pada Oktober 2013 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, loji berteknologi tinggi BFI berkeluasan 55 hektar terletak di Taman Perindustrian Sungai Liang, Daerah Belait. BFI memberi tumpuan utama kepada perolehan, pengeluaran, pengedaran, penjualan dan pemasaran baja nitrogen serta bahan kimia industri.

Hubungan Media:

Nama: Edwin Chow

Jawatan: Eksekutif Pembangunan Perniagaan

E-mel: chow.edwin@rotaryeng.com.sg